

18 APR 1997

Megat-Pendatang

KERAJAAN CARI JALAN KURANGKAN KOS HANTAR PULANG RAKYAT ASING

TELUK INTAN, 18 April (Bernama) -- Kerajaan terpaksa mencari jalan bagi mengurangkan kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang memasuki negara ini terutama dari Bangladesh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, kos penghantaran pulang rakyat Bangladesh sangat tinggi iaitu sebanyak RM1,100 seorang.

Bagi pendatang tanpa izin dari Indonesia, penghantaran pulang mereka tidak menghadapi banyak masalah kerana menggunakan kapal termasuk yang disediakan oleh kerajaan mereka, katanya kepada pemberita ketika mengadakan rumah terbukanya sempena Aidiladha di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini telah mengarahkan semua pendatang tanpa izin yang ditahan dihantar pulang dengan segera, katanya.

Pihak berkuasa juga mengesan sindiket yang terlibat membawa masuk pendatang tanpa izin yang telah mengubah taktik mereka dengan membawa pendatang berkenaan dalam kumpulan yang lebih kecil, katanya.

Sindiket berkenaan juga menumpukan kegiatan mereka melalui jalan laut menggunakan bot antara Satun di Selatan Thailand dengan Kuala Perlis, katanya.

Perubahan taktik berkenaan dilakukan memandangkan pihak berkuasa termasuk tentera telah dapat mengurangkan kemasukkan pendatang asing yang menggunakan jalan darat.

Pendatang berkenaan juga dikesan menyamar sebagai rakyat tempatan menerusi cara berpakaian mereka yang menggunakan baju Melayu, berkain pelikat dan bersongkok, katanya.

Mengenai penempatan pengintip khas bagi mengawasi rasuah di jabatan-jabatan di bawah Kementerian itu, beliau berkata, pemilihan pengintip itu ada caranya sendiri dan tidak perlu diberitahu kepada orang ramai.

Ketua jabatan akan memilih pegawai yang betul-betul boleh dipercayai bagi mengawasi jabatan masing-masing bebas daripada gejala rasuah, katanya.

Beliau juga berkata, masalah rasuah di bawah Kementerian itu terutama di Jabatan Imigresen telah berkurangan kerana telah timbul rasa tanggungjawab di kalangan kakitangan jabatan berkenaan. -- BERNAMA

RZS KY PR